PM jadikan Islam sinonim pembangunan ekonomi

UM 1 2 JUL 2003

PUTRAJAYA 11 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melakukan transformasi paling besar dan berkesan dalam usaha menjadikan Islam di Malaysia sinonim dengan pembangunan ekonomi dan pemodenan negara.

Profesor pelawat dari Universiti Georgetown, Washington, Profesor Dr. Osman Bakar berkata, tindakan Dr. Mahathir ini kerana beliau percaya bahawa hanya melalui transformasi Islam sahaja orang Melayu mampu bangkit dalam pembangunan ekonomi dan pemodenan negara.

"Program-program 'Islamisasi' yang dilakukan oleh Dr. Mahathir sama ada merupakan program jangka panjang dan pendek melibatkan transformasi pemikiran dan sikap orang Melayu selaras dengan kehendak Islam dan pemodenan.

"Semua ini dilakukan di bawah dasar Islamisasi semenjak beliau menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981 yang menyaksikan transformasi "Islam yang paling besar dan mendatangkan kesan di Malaysia," tambah Dr. Osman.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan kertas kerja 'Islam dan Pemodenan: Pengalaman Malaysia' di Multaqa Ulama Sedunia di sini hari ini.

Bekas pensyarah Universiti Malaya yang kini menduduki Kursi Islam di Asia Tenggara di Universiti' Georgetown juga memberitahu, matlamat politik Dr. Mahathir adalah untuk menjadikan agama Islam sinonim dengan kemajuan ekonomi dan juga arus permodenan.

Dr. Osman memberitahu, semasa pemerintahan Dr. Mahathir banyak sistern kewangan, institusi komersial, projek-projek dan skim Islam dilaksanakan bagi menarik penglibatan orang Islam dalam ekonomi moden.

"Malaysia juga menekankan pembangunan berasaskan agama yang termasuk menubuhkan institusi agama, memodenkan sistem zakat dan haji.

"Rangkaian masjid dan surau yang banyak dibina di Malaysia adalah yang terbaik dalam dunia Islam," tambahnya.

Menurutnya, dalam sistern pendidikan, negara ini juga menyediakan peruntukan yang besar dalam pembangunan pendidikan yang menekankan kepada bidang sains dan teknologi maklumat serta memastikan perbezaan jantina tidak dijadikan alasan untuk menghalang seseorang yang mahu mendapatkan pendidikan peringkat tinggi.

"Malaysia mempunyai dua sistem pendidikan yang berjalan seiring iaitu sistem pendidikan Islam dan sistem pendidikan sekular kerana mahukan pendidikan fardu ain dan fardu kifayah berjalan secara serentak," tambahnya.

Laporan
AZNAN BAKAR, MARHAINI KAMARUDIN, ROZILAN SALEH, HATA WAHAIRI, ROHANI IBRAHIM, HAIRULAZIM MAHMUD, SHAHBULLAH DARWI dan HELMI MOHD. FUAD

Jurugambar
HANAFI KHAMIS, SAIFOL BAHARI ASHAARI dan MOHD. ZAKI AMIRUDIN